

13 JUL 2000

TUN HAMDAN LAWAT PUTRAJAYA

PUTRAJAYA, 13 Julai (Bernama) -- Yang Dipertua Negeri Pulau Pinang Tun Dr Hamdan Sheikh Tahir dan isteri Toh Puan Hajah Siti Zainab Baharuddin hari ini melawat pejabat Perdana Menteri di Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan di sini.

Ketibaan mereka disambut oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali.

Hamdan serta rombongannya kemudian dibawa ke tingkat enam pejabat Perdana Menteri untuk melihat pemandangan sekitar Putrajaya termasuk Masjid Putra dan beberapa bangunan kerajaan yang dalam pembinaan.

Hamdan meluangkan masa kira-kira 30 minit di pejabat Perdana Menteri dan diberi penerangan oleh Dr Mahathir mengenai pusat pentadbiran kerajaan itu.

Hamdan berada di Kuala Lumpur untuk menghadiri Mesyuarat Majlis Raja-Raja ke-186 di Istana Negara.

Dr Mahathir kemudian mempengerusikan mesyuarat Menteri Besar dan Ketua Menteri dari Barisan Nasional. Sarawak diwakili Menteri Pertanian dan Industri Makanan negeri, Datuk Adenan Satem.

Yang turut hadir Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, beberapa menteri kabinet dan Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Abdul Halim Ali.

-- BERNAMA

AR AHH AKD